



## **KENYATAAN MEDIA**

### **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR**

**ISU HUTAN BAKAU DI PENAGA, KEPALA BATAS**

**2 MAC 2016**

---

Kementerian memandang serius terhadap isu hutan bakau yang cuba dimusnahkan di Penaga, Kepala Batas yang disiarkan di sebuah akhbar tempatan hari ini.

Susulan daripada paparan artikel tersebut saya telah mengarahkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk menyemak jika ada keperluan menyediakan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) oleh penggerak projek dan didapati cadangan projek tersebut tertakluk kepada penyediaan Laporan EIA di bawah Aktiviti 4, Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987.

Penggerak projek telah mengemukakan *Term Of Reference (TOR)* bagi menjalankan kajian EIA kepada JAS pada penghujung bulan Oktober 2015. Mesyuarat Jawatankuasa Panel Pengulas bagi membincangkan TOR untuk penyediaan Laporan EIA cadangan projek tersebut yang bermesyuarat pada bulan lepas telah memutuskan TOR tersebut ditolak dan perlu TOR yang baru perlu dikemukakan disebabkan isu-isu alam sekitar yang penting tidak dihuraikan dalam TOR tersebut. Semakan terkini JAS mendapati cadangan projek di tapak masih belum dimulakan lagi dan penggerak projek perlu mengemukakan TOR yang

baru untuk kajian EIA yang hendak dijalankan. Sehingga kini, JAS belum menerima TOR baru tersebut.

Khazanah sumber asli seperti hutan, adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan telah dinyatakan dengan jelasnya dalam Akta Perhutanan Negara 1984. Sehubungan itu, kerajaan Negeri perlu memainkan peranan proaktif bagi memastikan pengurusan sumber asli seperti hutan bakau yang mapan untuk kesejahteraan generasi akan datang. Saya menyeru kepada kerajaan negeri untuk mengambil tindakan yang sewajarnya bagi mengekalkan kawasan hutan bakau tersebut. Saya percaya ada lagi kawasan yang lebih sesuai untuk membangunkan projek akuakultur di Pulau Pinang demi kesejahteraan rakyat.

Kita perlu menerima hakikat bahawa penanaman hutan bakau di Penaga, Kepala Batas telah menyelamatkan beratus nyawa di kawasan tersebut ketika kejadian tsunami 12 tahun yang lalu. Ini menunjukkan betapa pentingnya hutan bakau tersebut kepada penduduk sekitar dan kita sememangnya berharap hutan bakau tersebut sentiasa kekal sebagai '*buffer zone*' untuk kesejahteraan ekosistem yang kita diami ini.

Kerajaan melalui Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah memperkenalkan dasar, garis panduan serta menguatkuasakan pelbagai undang-undang berkaitan dengan alam sekitar. Dasar, garis panduan dan undang-undang ini perlu dijadikan panduan oleh semua pihak termasuk Kerajaan-Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi memastikan sumber asli dan alam sekitar diurus secara lestari. Dalam melaksanakan projek-projek pembangunan negara, kita perlu mengambil kira elemen pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Adalah penting bagi setiap pihak yang terlibat dalam pembangunan untuk mengimbangi keperluan masyarakat dan perlindungan alam sekitar dengan sewajarnya.

Saya ingin menegaskan disini bahawa perlunya EIA disediakan bagi projek tersebut untuk memastikan projek tersebut dilaksanakan dengan mengambil kira faktor alam sekitar dalam semua peringkat perancangan, pembinaan dan operasi. Ingin saya menarik perhatian bahawa projek berkenaan tidak boleh dijalankan melainkan kajian EIA

selesai dan segala syarat serta langkah dipatuhi dan diambil tindakan oleh penggerak projek.